

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

MUKA SURAT : 3

TARIKH : 11 FEBRUARI 2022

HARI : JUMAAT

SENTIMEN : POSITIF

Kerajaan Sarawak akan terus bantu pelajar bayar balik pinjaman PTPTN: Tiang

SIBU: ADUN Pelawan Michael Tiang berkata kerajaan Sarawak akan terus membantu pelajar dari negeri ini membayar balik pinjaman mereka dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Tiang berkata, berita gembira itu diterimanya ketika mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Yayasan Sarawak pada Selasa lalu.

"Ramai ibu bapa dan peminjam bertanya kepada saya sama ada inisiatif yang dilancarkan pada 2020 ini akan diteruskan lagi untuk 2021 kerana ramai yang telah

membayar pinjaman PTPTN mereka sehingga 30 peratus atau lebih.

"Jadi mereka bimbang sama ada mereka akan menerima diskaun sebegini dan sekarang, jawapannya, kerajaan negeri akan meneruskan inisiatif ini," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Menurutnya, satu lagi berita baik ialah kerajaan Sarawak turut memperuntukkan RM38 juta untuk subsidi 2021 bagi menampung lebih ramai penerima yang layak.

Ketua Menteri Datuk Pat-

tinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg mengumumkan inisiatif sedemikian awal tahun lepas dan RM30 juta telah diperuntukkan untuk inisiatif tersebut.

Hanya rakyat Sarawak yang telah membayar sekurang-kurangnya 30 peratus daripada tunggakan pinjaman PTPTN mereka layak mendapat bantuan tersebut daripada kerajaan negeri.

"Di bawah inisiatif ini, peminjam Sarawak yang telah membayar sekurang-kurangnya 30 peratus daripada pinjaman PTPTN mereka, Yayasan Sarawak



TIANG

akan membayar 30 peratus lagi daripada baki pinjaman

mereka," katanya.

Sementara itu, Tiang yang juga Menteri Muda Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan II berkata Yayasan Sarawak menasihati peminjam PTPTN supaya mengambil kesempatan daripada subsidi persekutuan.

Tahun lepas, semasa pengumuman Belanjawan 2022, kerajaan mengumumkan diskaun 10 hingga 15 peratus bagi pembayaran balik PTPTN bermula 1 November 2021 hingga 30 April 2022.

Inisiatif sedemikian akan memanfaatkan sejumlah 1.67

juta peminjam PTPTN di seluruh negara.

Daripada inisiatif itu, peminjam PTPTN yang membayar sepenuhnya pinjaman mereka layak mendapat diskaun 15 peratus bagi baki tertunggak mereka dalam kategori pertama.

Mereka yang membayar sekurang-kurangnya 50 peratus baki hutang dalam satu pembayaran akan menerima diskaun 12 peratus.

Bagi kategori ketiga, diskaun 10 peratus bagi mereka yang membuat pembayaran balik melalui potongan gaji atau debit terus mengikut

jadual yang telah ditetapkan.

"Diskaun ini oleh kerajaan persekutuan hanya akan diberikan kepada peminjam yang layak antara 1 November 2021 dan 30 April 2022.

"Yayasan Sarawak ingin menasihati warga Sarawak peminjam PTPTN untuk memanfaatkan diskaun ini untuk separuh pertama 2022.

"Untuk separuh kedua, kerajaan Sarawak akan terus membayar balik 30 peratus tunggakan mereka seperti yang kita lakukan tahun lepas," katanya.